

18/03/1999

Bernard rasmi serah tugas Ketua Menteri

KOTA KINABALU, Rabu - Tan Sri Bernard Dompok hari ini secara rasmi menyerahkan tugas Ketua Menteri kepada penggantinya, Datuk Osu Sukam, pada satu majlis ringkas di Tingkat 28 Bangunan Yayasan Sabah, di sini pagi ini.

Majlis bermula jam 9 pagi itu disaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri, Tan Sri Khalil Jamalul dan Pengarah Bahagian Kabinet dan Dasar Jabatan Ketua Menteri, Awang Samat.

Dompok yang tiba lebih awal dan kelihatan riang menyerahkan beberapa fail rasmi kepada Osu sebagai simbolik penyerahan tugas itu.

Selepas itu, kedua-dua pemimpin bersalaman sebelum Dompok meninggalkan pejabat, diikuti Osu beberapa minit kemudian.

Ketika ditemui pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas ke Kuala Lumpur tengah hari ini, Osu berkata kerajaan baru Barisan Nasional (BN) akan menjadikan manifesto pilihan raya negeri lalu sebagai teras pentadbiran negeri.

Manifesto itu yang bertemakan Bersama Membina Masa Depan: Ke arah Perpaduan Kaum, Keadilan Sosial dan Kesejahteraan Rakyat Menjelang Alaf Baru antara lain menekankan pembangunan sosial, ekonomi dan kestabilan politik untuk rakyat dan negeri Sabah.

Sehubungan itu, katanya, beliau akan mendapatkan gambaran lebih jelas (daripada pegawai kanan kerajaan) mengenai pentadbiran negeri ini sebelum sesuatu agenda utama dikemukakan untuk tindakan.

"Bagaimanapun, teras pentadbiran negeri akan berasaskan manifesto pilihan raya yang turut memberi perhatian kepada perpaduan kaum, keadilan sosial selain memastikan pertumbuhan ekonomi negeri," katanya.

Osu mengesahkan akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Kuala Lumpur lewat petang ini untuk membincangkan senarai Kabinet negeri yang akan diumumkan, Sabtu ini.

Beliau enggan mengulas mengenai senarai Kabinet, tetapi berkata: "Tunggu, sehingga Sabtu ini, pengumuman mengenainya akan dibuat. Kita tidak mempunyai masalah mengenai pemilihan calon untuk Kabinet negeri."

Dalam pilihan raya kesembilan minggu lalu, BN memenangi 31 daripada 48 kerusi yang dipertandingkan. Daripada jumlah itu, 24 dimenangi Umno yang membolehkan Osu menjadi Ketua Menteri berikutan kekalahan Dompok bagi kerusi Moyog.

Mengenai kemungkinan PBS menyertai semula BN, Osu berkata, perkara itu sudah dijelaskan sebelum ini (Perdana Menteri sebelum ini berkata, BN sudah tutup pintu kepada penyertaan PBS) dan sepatutnya tidak berbangkit lagi.

(END)